



PEJABAT DAERAH / TANAH SEPANG
DOKUMEN SEBUT HARGA

Projek:

**PERKHIDMATAN PENGINDAHAN KAWASAN TAMAN DAN
HIASAN DALAMAN, PEMBAIKAN KECIL AM DAN CIVIL
BAGI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH TANAH SEPANG,
DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

NO SEBUTHARGA: PDTSPG/SH/PLB(SIVIL)/JAN/2026/01

Kontraktor:

(Cop Kontraktor)

HARGA DOKUMEN	: RM 20.00
TARIKH BUKA	: 22 JANUARI 2026 (KHAMIS)
TARIKH TUTUP	: 29 JANUARI 2026 (KHAMIS)
HARGA KONTRAK	:
TEMPOH KONTRAK	:

PERINGATAN:

1. **PENYEBUT HARGA** dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran di dalam Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan tawaran melalui Borang Sebut Harga.
2. **PENYEBUT HARGA** diwajibkan untuk memastikan bahawa dokumen Sebut Harga yang diperoleh menjadi tanggungjawab **PENYEBUT HARGA** untuk mendapatkan penjelasan daripada Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah/Tanah Sepang
3. **KERAJAAN** tidak melantik mana-mana individu atau syarikat yang bertindak sebagai orang ketiga di dalam Sebut Harga dan / atau perjanjian ini. Sekiranya **PENYEBUT HARGA** mempunyai sebarang permasalahan berkaitan Sebut Harga dan / atau perjanjian ini hendaklah dirujuk terus kepada pihak **KERAJAAN**.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN (PLB)

PEJABAT DAERAH/TANAH SEPANG,
BANGUNAN TUN AZIZ, BANDAR BARU SALAK TINGGI,
43900, SEPANG,
SELANGOR DARUL EHSAN

(JADUAL 1)

SKOP PERKHIDMATAN

**PERKHIDMATAN PENGINDAHAN KAWASAN TAMAN DAN HIASAN DALAMAN,
PEMBAIKAN KECIL AM DAN SIVIL BAGI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH TANAH
SEPANG, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

1. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

**1.1 PERKHIDMATAN PENGINDAHAN KAWASAN TAMAN DAN HIASAN
DALAMAN IAITU SEPERTI:**

- a. Mengadakan perkhidmatan penjagaan taman serta pokok hiasan dalaman bagi seluruh kawasan Pejabat Daerah/Tanah Sepang seperti berikut:
 - i. Kerja-kerja menyapu dan membersihkan sekitar luar kawasan bangunan;
 - ii. Mencuci longkang dan parit;
 - iii. Memotong rumput;
 - iv. Membersih pangkal pokok/*trimming* pokok-pokok bunga;
 - v. Membaja dan menyiram mengikut jadual;
 - vi. Pemusnahan tumbuhan-tumbuhan liar;
 - vii. Pemusnahan serangga perosak tumbuhan dan tanaman;
 - viii. Kerja-kerja yang berkaitan.
- b. Bagi perkhidmatan di atas, kontraktor hendaklah:
 - i. Mengadakan perkhidmatan membekal bunga berpasu bagi menghias bangunan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.
 - ii. Mengadakan senggaraan seni taman bagi seluruh kawasan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.
- c. Butiran lanjut mengenai perkhidmatan penjagaan taman dan pokok hiasan dalaman di Pejabat Daerah/Tanah Sepang adalah seperti di **JADUAL 2 – Para A.**
- d. Pihak Pejabat Daerah/Tanah Sepang berhak memotong apa-apa kos perkhidmatan yang gagal atau tidak dipatuhi atau tidak dijalankan oleh pihak kontraktor mengikut kadar harga spesifikasi yang dinyatakan seperti di dalam **JADUAL 5A.**

1.2 PERKHIDMATAN PEMBAIKAN KECIL AM DAN CIVIL SEPERTI YANG TERSENARAI DI BAWAH INI:

- a) Memeriksa dan menyelenggara semua kelengkapan dan perkakasan yang terdapat di Pejabat Daerah dan Tanah Sepang iaitu:
 - i. Sistem tangki air dan saluran paip air.
 - ii. Sistem pencegah kebakaran
 - iii. Sistem bekalan air bersih dan pam air
 - iv. Sistem saluran air, saluran buangan air, saluran kumbahan najis dan saluran longkang.
 - v. Semua kelengkapan perabut.
 - vi. Sistem penajisan, *lower pump*, *submersible pump (lowered)*, *floor pump (upper)*, *plumbing* dan *sanitary sewerage*.
 - vii. Kelengkapan dan perabut dewan seminar; dan
 - viii. Kelengkapan alat bantuan mengajar
- b) Menjalankan urusan pembaikan dan penyelenggaraan kerja-kerja sivil/struktur iaitu:
 - i. Mengganti, membaiki dan memasang *homogeneous tiles*, jubin-jubin, kelengkapan sistem paip air, perabut kelengkapan pejabat, bumbung, pintu, tombol pintu, tingkap, cermin, kelengkapan dan perabut dewan seminar dan kelengkapan sistem saluran pembuangan yang rosak dengan yang baru mengikut standard yang sesuai dan diprakui oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang;
 - ii. Membaik pulih dan mengganti longkang, menurap jalan serta mengecat jalan berturap dan bahu jalan yang rosak di dalam kawasan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.
 - iii. Membaiki atau mengganti kerja-kerja di bidang hiasan dalaman seperti kemas kayu, siling, *partition wall* dan lain-lain lagi.
 - iv. Selenggaraan saluran *mainhole*, *monsoon drain* serta seumpamanya dan mengganti mana-mana yang rosak.
- c) Untuk perkhidmatan yang dinyatakan di para 1.2 (a) dan 1.2 (b), kontraktor hendaklah:
 - i. Menanggung segala kos untuk membaiki kerosakan dan menyediakan alat ganti/barangan/perkhidmatan yang sesuai dan berkualiti.
 - ii. Memastikan bahawa pelaksanaan khidmat selenggaraan bagi semua peralatan, kelengkapan dan kemudahan adalah berdasarkan kepada saranan yang dikemukakan oleh pengeluar bagi peralatan berkenaan dan dipersetujui oleh Pejabat Daerah dan Tanah Sepang.
- d) Keterangan lanjut mengenai perkhidmatan penyelenggaraan bangunan adalah seperti di **JADUAL 2 – Para B.**
- e) Pihak Pejabat Daerah/Tanah Sepang berhak memotong apa-apa kos perkhidmatan yang gagal atau tidak dipatuhi atau tidak dijalankan oleh

pihak kontraktor mengikut kadar harga spesifikasi yang dinyatakan seperti di dalam **JADUAL 5B**.

2. KHIDMAT-KHIDMAT YANG DIKECUALIKAN KEPADA KONTRAKTOR

- 2.1 Membayar bil elektrik, bil air, cukai pembentungan najis, insuran bangunan dan lain-lain insuran.
- 2.2 Menanggung kerja-kerja ubahsuai pejabat atau bangunan.
- 2.3 Pembelian tambahan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan untuk pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

3. KAKITANGAN

3.1 A) PENGINDAHAN KAWASAN TAMAN DAN HIASAN DALAMAN

Kontraktor perlu menempatkan **dua (2) orang pekerja am** secara tetap yang berpengalaman untuk melaksanakan kerja dan mampu berhubung dengan pihak pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

B) PEMBAIKAN KECIL AM DAN SIVIL

Kontraktor perlu menempatkan **dua (2) orang pekerja am** secara tetap yang berpengalaman untuk melaksanakan kerja dan mampu berhubung dengan pihak pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

- 3.2 Kontraktor perlu melantik pegawai penyelaras yang boleh mewakili kontraktor di dalam setiap urusan di Pejabat Daerah/Tanah Sepang kepada pegawai penyelaras berkenaan adalah dianggap sebagai arahan kepada pihak kontraktor.
- 3.3 Pegawai Penyelaras perlulah mempunyai pengalaman dalam mengendalikan kerja-kerja yang akan dilaksanakan seperti kerja-kerja Pengindahan Kawasan Taman Dan Hiasan Dalaman, Pembaikan Kecil Am Dan Sivul.
- 3.4 Kontraktor perlu memastikan jumlah kakitangan mencukupi sepanjang masa seperti dinyatakan di dalam **JADUAL 3A dan JADUAL 3C**. Kegagalan kehadiran kakitangan secukupnya akan dikenakan pemotongan bayaran bulanan dengan mengambil kira bilangan hari yang tidak cukup, bilangan kakitangan yang tidak cukup, kadar gaji minimum ditetapkan oleh Kerajaan **RM1,500.00 seorang sebulan** dan nilai pemotongan tersebut akan digandakan dengan sekali ganda sebagai pemotongan bayaran bulanan kerana tidak menyediakan pekerja secukupnya.
- 3.5 Sebarang pembaharuan atau penggantian pegawai penyelaras perlulah dimaklumkan terlebih dahulu kepada pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.
- 3.6 Semua kakitangan kontraktor perlu mempunyai kemudahan yang diwajibkan oleh pihak berkuasa seperti insuran, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), PERKESO atau lain-lain. Kakitangan perlulah dilantik oleh Kontraktor secara pekerja tetap.
- 3.7 Semua kakitangan kontraktor perlu menunjukkan budi pekerja yang tinggi dan mempunyai personaliti yang baik semasa menjalankan tugas.
- 3.8 Kakitangan kontraktor dikehendaki mematuhi segala arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang samada melalui

surat atau lisan oleh pegawai-pegawai yang dilantik olehnya berkaitan dengan keselamatan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

4. PAS KESELAMATAN DIRI

Kontraktor yang berjaya hendaklah menyediakan pas keselamatan untuk setiap kakitangannya dalam bentuk yang dibenarkan oleh pihak Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

5. PAKAIAN SERAGAM

Semua kakitangan Kontraktor perlulah memakai pakaian yang seragam dan yang menutup aurat sewaktu bertugas.

6. LAPORAN KERJA

6.1 Laporan Kerja Harian

Kontraktor bertanggungjawab untuk menyediakan laporan kerja harian untuk semua perkhidmatan.

6.2 Laporan Kerja Bulanan

Pihak Kontraktor juga bertanggungjawab menyediakan Laporan Kerja Bulanan mengenai kerja-kerja Pengindahan Kawasan Taman Dan Hiasan Dalaman, Pembaikan Kecil Am Dan Sivil. Laporan Kerja Bulanan ini hendaklah diserahkan kepada Pejabat Daerah/Tanah Sepang selewat-lewatnya pada minggu pertama setiap bulan.

7. TAMBAHAN TUGAS KONTRAKTOR

- 7.1 a. Memastikan semua perkhidmatan penyelenggaraan dilaksanakan dengan sempurna.
- b. Berusaha mengurangkan kerosakan dan menjalankan kajian untuk meningkatkan prestasi bangunan.
- c. Menerima semua aduan dengan merekodkannya dan melaksanakan kerja-kerja yang diadukan itu dengan kadar segera selewat-lewatnya dalam tempoh dua hari dari tarikh dan masa aduan diterima.

7.2 Kontraktor juga bertanggungjawab menanggung segala kos yang berkaitan dengan kos menyediakan semua peralatan dan kelengkapan berkaitan untuk perkhidmatan mencuci dan membersihkan bagi bangunan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

8. KERJA-KERJA KHAS

Kontraktor perlulah menanggung perbelanjaan untuk kerja-kerja tambahan atau khidmat tambahan jika diperlukan di luar waktu pejabat.

9. KONSEP SELENGGARAAN

- 9.1 Konsep kerja senggaraan adalah mengikut konsep kerja berperancangan iaitu meramal, merancang dan mencegah.
- 9.2 Segala kerja selenggaraan perlulah mengikut saranan dan cadangan pembekal atau pengilang. Penggunaan peralatan dan bahan kimia untuk menjalankan kerja-kerja Pengindahan Kawasan Taman Dan Hiasan Dalaman, Pembaikan Kecil Am Dan Sivil Bagi Kompleks Pejabat Daerah Tanah Sepang perlulah mengikut saranan dan cadangan pembekal atau pengilang.
- 9.3 Sebarang penggantian peralatan perlulah mengikut saranan dan cadangan pembekal atau pengilang.
- 9.4 Mengadakan perbincangan setiap minggu dengan pihak penguasa Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

10. KESELAMATAN BEKERJA

- 10.1 Kontraktor adalah diwajibkan mematuhi undang-undang keselamatan, undang-undang pihak berkuasa yang berkaitan dengan tugas yang dijalankan.
- 10.2 Adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk memastikan tugas-tugas yang dijalankan tidak membahayakan keselamatan pekerja, pegawai-pegawai Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan orang awam.
- 10.3 Amaran tanda atau amaran sekatan perlulah diadakan untuk memaklumkan mengenai sebarang kerja-kerja merbahaya yang sedang di jalankan.

11. LAPORAN KEROSAKAN ATAU KEMALANGAN ATAU KEBAKARAN

Kontraktor adalah bertanggungjawab membuat laporan bertulis mengenai sebarang kemalangan atau kebakaran yang berlaku di dalam kawasan bangunan kepada pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan jika ia melibatkan pihak berkuasa tertentu, Kontraktor perlu membuat laporan kepada pihak berkuasa berkenaan.

12. LAPORAN KEPADA PIHAK-PIHAK LAIN

Sebarang laporan yang diperlukan oleh pihak lain yang berkaitan dengan bangunan Pejabat Daerah/Tanah Sepang perlulah mendapat kebenaran daripada pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Sepang terlebih dahulu.

(JADUAL 2)

SPESIFIKASI UMUM

PERKHIDMATAN PENGINDAHAN KAWASAN TAMAN DAN HIASAN DALAMAN, PEMBAIKAN KECIL AM DAN SIVIL BAGI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH TANAH SEPANG, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN

A. PERKHIDMATAN PENGINDAHAN KAWASAN TAMAN DAN HIASAN DALAMAN

1. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

Mengadakan perkhidmatan penjagaan taman seperti membekal bunga pasu dan memotong rumput bagi bangunan Pejabat Daerah/Tanah Sepang. Memotong rumput bagi bangunan Balai-balai Penghulu dan Kuarters.

2. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN

2.1 Menyediakan **dua (2) orang pekerja am** untuk perkhidmatan penjagaan taman dan pokok hiasan dalaman. Kegagalan kehadiran kakitangan secukupnya akan dikenakan p potongan bayaran bulanan dengan mengambilkira bilangan hari yang tidak cukup, bilangan kakitangan yang tidak cukup, kadar gaji minimum ditetapkan oleh Kerajaan **RM1,500.00** seorang sebulan dan nilai p potongan tersebut akan digandakan dengan sekali ganda sebagai p potongan bayaran bulanan kerana tidak menyediakan pekerja secukupnya.

2.2 Mengadakan perkhidmatan penjagaan taman serta hiasan dalaman seperti berikut:

a. Kerja-kerja menyapu dan membersihkan sekitar luar kawasan bangunan:

Kerja-kerja ini perlu dijalankan tiap-tiap hari sepanjang jalan-jalan utama di persekitaran dengan menggunakan bilangan pekerja-pekerja yang secukupnya. Kontraktor adalah dikehendaki mengumpulkan dan membuang sampah, daun kering, ranting pokok setiap hari bagi sekitar kawasan dan jalan-jalan raya serta tempat letak kereta kawasan dan jalan-jalan raya serta tempat letak kereta di dalam dan diluar premis Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan Blok Kediaman Pegawai Daerah.

b. Memotong Rumput:

i. Kerja-kerja memotong rumput akan dijalankan setiap **15 hari sekali** di semua kawasan hingga ke pagar Pejabat Daerah/Tanah Sepang. Setiap kali potongan ketinggian rumput-rumput hendaklah tidak kurang daripada 2.5 cm (1") tinggi permukaan tanah. Bagi '*carpet grass*' penjagaan yang sesuai hendaklah dilaksanakan.

ii. Perkhidmatan potongan rumput tambahan akan diminta dari semasa ke semasa oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang jika sekiranya difikirkan perlu.

iii. Kontraktor adalah dikehendaki membuat pengawalan bagi memotong rumput rampai yang menjalar dan menjuntai di atas jalan, kaki lima, parit, longkang hingga ke pagar dan **1 meter** dari kawasan luar pagar kawasan Pejabat Daerah/Tanah Sepang, Kediaman Pegawai Daerah Sepang, Balai Penghulu dan Kuarters.

c. **Membersih pangkal pokok / 'trimming' pokok-pokok bunga:**

- i. Semua rumput-rumput yang tumbuh di pangkal pokok dan pokok perhiasan hendaklah dicabut dan sentiasa memastikan tiada rumput rampai tumbuh di pangkal pokok tersebut.
- ii. Semua pangkal pokok dan pokok perhiasan hendaklah digembur sekurang-kurangnya **sebulan sekali**. Kontraktor adalah dikehendaki menabur baja di pangkal pokok tersebut **sekali sebulan**.
- iii. Kontraktor dikehendaki melakukan cantasan atau '*prunning*' bagi jenis pokok hiasan seperti yang ditentukan oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang setiap satu kali **dalam sebulan**. Cantasan yang dimaksudkan adalah bagi tujuan menjaga kerapian pokok hiasan.

d. **Pemusnahan tumbuhan-tumbuhan liar:**

Kontraktor adalah dikehendaki untuk menghapuskan dari semasa ke semasa tumbuhan-tumbuhan liar yang tumbuh di seluruh Pejabat Daerah/Tanah Sepang termasuk kawasan seperti di kaki lima, di longkang, di parit, di bahu jalan, tepi bangunan dan 1 meter dari kawasan luar pagar Pejabat Daerah/Tanah Sepang. Tumbuh-tumbuhan yang dimaksudkan adalah seperti lalang, pokok dedalu (*mimosa*) dan lain-lain tumbuhan liar.

e. **Kerja lain-lain (Am):**

- i. Kontraktor adalah dikehendaki menyiram pokok-pokok hiasan dan rumput secara penggunaan *sprinkler* atau secara biasa. Kontraktor juga bertanggungjawab menyelenggara sistem '*sprinkler*' (jika ada) dengan baik.
 - ii. Sebelum kerja-kerja pemotongan rumput dibuat, kontraktor hendaklah memungut segala batu-batu, kayu-kayu dan sampah untuk dibuang.
 - iii. Perhatian hendaklah lebih diberi kepada tumbuh-tumbuhan liar seperti lalang dan dedalu untuk dicabut atau dibuang.
 - iv. Kontraktor juga perlu memperakukan kepada Pejabat Daerah/Tanah Sepang tempat-tempat yang memerlukan penambahan '*top soil*'.
 - v. Kontraktor juga perlu melakukan penyemburan bahan pencegah serangga di semua pokok-pokok dan pokok-pokok hiasan.
- f. Kontraktor adalah dikehendaki melaporkan ke Pejabat Daerah/Tanah Sepang tentang apa-apa kerosakan, pokok berkulat, pokok mati dan pokok tumbang.
- g. Kontraktor adalah bertanggungjawab bagi menggantikan mana-mana pokok-pokok dan pokok-pokok hiasan yang tumbang, mati atau rosak sepanjang tempoh perkhidmatan diberikan.
- h. **Pokok Hiasan Dalam:**
- i. Kontraktor hendaklah menyiram pokok di dalam bangunan **seminggu sekali**.
 - ii. Pokok-pokok '*horticulture*' dipastikan sentiasa segar dan '*prunning*' perlu dibuat jika didapati bunga-bunga telah layu dan sebagainya.

- iii. Baja (*pellets* yang tidak berbau busuk) perlu ditambah dari semasa ke semasa bagi memastikan kesegaran pokok.
- iv. Mana-mana pokok yang didapati telah mati, rosak perlu diganti dengan pokok yang baru.

i. **Penyediaan Peralataan:**

Satu senarai alat-alat kelengkapan/kenderaan yang akan diletakkan di Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan Blok Kediaman Pegawai Daerah Sepang hendaklah dilampirkan bersama surat tawaran.

B. PERKHIDMATAN PEMBAIKAN KECIL AM DAN SIVIL DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG.

1. Kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap bangunan Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan melaporkan kepada Pegawai Daerah sekiranya ada apa-apa kecacatan atau kerosakan di bangunan Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan Balai-balai Penghulu dengan mengesyorkan apa-apa pembaikan yang perlu dijalankan.
2. Mengawasi kerja-kerja pembaikan yang dilakukan oleh kontraktor luar.
3. Menjalankan kerja-kerja pengawasan bagi peralatan dan kelengkapan **sepanjang 24 jam (dua puluh empat jam tiap-tiap hari)** dan mengambil tindakan membaikpulih atau langkah yang sewajarnya sekiranya ada apa-apa kerosakan berlaku terhadap peralatan tersebut.
4. Melakukan kerja-kerja pembaikan kerosakan peralatan tandas, pintu, bumbung, dinding termasuk mengganti kepala paip, tombol dan ensel yang rosak serta membaikpulih semua kerosakan.
5. Setiap perbelanjaan untuk mengganti dan membaikpulih di mana kos alat ganti/barangan/perkhidmatan sehingga berjumlah **RM3,000.00** hendaklah ditanggung terus oleh pihak kontraktor. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah/Tanah Sepang atau wakilnya berhak memanggil mana-mana syarikat luar untuk membaikpulih kerosakan berkenaan jika kerosakan lambat dibaiki hingga mengganggu urusan rasmi Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan segala kos yang dikenakan oleh syarikat luar akan dikenakan semula kepada kontraktor melalui potongan tuntutan bil bulanan kontraktor pada bulan berkenaan.
6. Bagi tujuan di atas kontraktor hendaklah menyediakan kakitangan teknikal yang berkelayakan dan secukupnya seramai **dua (2) orang Pekerja Am**.

Kegagalan kehadiran kakitangan secukupnya akan dikenakan pemotongan bayaran bulanan dengan mengambilkira bilangan hari yang tidak cukup, bilangan kakitangan yang tidak cukup, kadar gaji minimum ditetapkan oleh Kerajaan **RM1,500.00** seorang sebulan dan nilai pemotongan tersebut akan digandakan dengan sekali **ganda** sebagai pemotongan bayaran bulanan kerana tidak menyediakan pekerja secukupnya.

7. Tugas-tugas kakitangan berkenaan adalah seperti berikut:

7.1 PEKERJA AM

- a. Memastikan semua peralatan, barangan, kelengkapan, kemudahan dan lain-lain beroperasi dengan sempurna. Semua peralatan, barangan, kelengkapan, kemudahan dan lain-lain juga hendaklah dipastikan diselenggarakan seperti yang dicadangkan dalam manual pengeluar perkakasan. Semua perkakasan kemudahan berfungsi dengan optimum serta selamat bagi pengguna dan juga penghuni bangunan.
 - b. Memastikan peralatan, barangan, kelengkapan, kemudahan dalam bangunan beroperasi dengan baik dan selamat untuk digunakan pada semua keadaan.
 - c. Memastikan semua peralatan, barangan, kelengkapan, kemudahan dan lain-lain dapat berjalan dan beroperasi dengan baik dengan mengutamakan keselamatan dan juga penjimatan.
 - d. Melaksanakan kerja-kerja selenggaraan semua peralatan, barangan, kelengkapan, kemudahan untuk mengelakkan kerosakan dan langkah-langkah menjimatkan usia peralatan berkenaan (*prevention maintenance*).
 - e. Memastikan semua peralatan, barangan, kelengkapan, kemudahan dan lain-lain diselenggarakan dengan sempurna tanpa mengancam bangunan. Keselamatan pengguna dan kakitangan hendaklah diberi keutamaan.
 - f. Bertanggungjawab memastikan keselamatan pekerja semasa menjalankan tugas-tugas mereka mengendalikan dan menyelaras dalam bangunan. Papan tanda amaran keselamatan haruslah disediakan sebelum kerja-kerja dijalankan.
 - g. Bertanggungjawab untuk melaporkan setiap kemalangan yang berkaitan dengan semua peralatan, barangan, kelengkapan, kemudahan dan lain-lain dalam **masa 24 jam** kepada pihak pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Sepang.
 - h. Memastikan semua bahagian dalam bangunan seperti pintu, tombol pintu, ensel pintu, paip, lantai, dinding, bumbung, jalan, tempat letak kereta sentiasa berkeadaan baik. Kerja-kerja baik pulih hendaklah dibuat tanpa menjejaskan keselamatan penghuni bangunan;
 - i. Bertindak memastikan semua peralatan sistem perairan dan penajisan selamat dan mengikut peraturan pemasangan;
 - j. Membuat kerja-kerja pembaikan sistem paip air, longkang, semua kelengkapan dan kemudahan bangunan; dan
 - k. Membuat senggaraan berkala kepada semua kelengkapan, semua tangki air, semua kemudahan bangunan dan kelengkapan perairan dan penajisan.
8. Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan khidmat selenggaraan bagi semua kelengkapan harta modal dan harta kerajaan yang lain adalah berdasarkan kepada saranan yang dikemukakan oleh pihak pengeluar.